

Media : Kosmo
Title : The Atmosphere Berkonsep Mesra Alam
Date : 22 September 2010
Page : 51
Size : 8.5x16.1



The Atmosphere berkonsep mesra alam

KUALA LUMPUR - Tempo Properties Sdn. Bhd. (Tempo), pemaju projek pembangunan komersial bercampur, The Atmosphere, menyasar pulangan pelaburan sehingga 25 peratus dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khoo Boo Hian berkata, nilai pembangunan kasar (GDV) bagi pembangunan fasa kedua dan ketiga projek yang terletak di Sri Kembangan itu dianggarkan bernilai kira-kira RM850 juta.



Keseluruhan projek berkenaan dijangka siap pada tahun 2012.

The Atmosphere merupakan projek pembangunan komersial pertama di Lembah Klang Selatan yang dianugerahkan Pensijilan Penandaan Hijau BCA (sementara).

Pensijilan berkenaan mengiktiraf amalan terbaik dalam prestasi dan reka bentuk bangunan yang mesra alam.

Fasa pertama projek itu telah dijual kepada pasar raya besar Giant pada harga RM24 juta.

"Kami kini sedang membina fasa kedua dan menjangka dapat melancarkan fasa 2E pada awal tahun 2011," katanya pada taklimat media di sini semalam.

Beliau berkata, 90 peratus daripada fasa kedua (tidak termasuk 2E), telah habis dijual manakala pembinaan fasa ketiga akan bermula tahun depan.

"Kami merancang untuk membina pangsapuri servis, hotel lima bintang, pusat perniagaan runcit dan komersial di bawah fasa ketiga," kata Boo Hian.

Beliau turut memaklumkan bahawa syarikat itu sedang meninjau hartanah di kawasan Ampang dan Mont Kiara untuk pembangunan kediaman.

- Bernama